

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

KOLABORASI PRASARANA BERSAMA **BLINK**: PENGUNAAN TRANSAKSI TANPA TUNAI UNTUK KEMUDAHAN PENGGUNA

KUALA LUMPUR, 25 April – Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) pada hari ini telah memeterai satu usahasama dengan BonusKad Loyalty Sdn Bhd (BonusLink) di mana para pengguna boleh membeli pas perjalanan tanpa had My50 secara atas talian dan membuat transaksi tanpa tunai menerusi aplikasi BonusLink yang dikenali sebagai **BLINK**.

Kolaborasi ini telah dilancarkan oleh Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Encik Mohd Azharuddin Mat Sah dan Ketua Pegawai Eksekutif BonusLink, Encik Melvin Ooi, di dalam satu majlis yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.

Kerjasama ini merupakan antara inisiatif terbaharu Prasarana bagi meningkatkan kemudahan kepada para pengguna dengan menyediakan alternatif bagi pembelian pas perjalanan tanpa had My50 yang sebelum ini hanya boleh dibeli secara tunai di stesen LRT, MRT, BRT atau hab-hab bas terpilih.

Berucap di majlis berkenaan, Azharuddin berkata kolaborasi bersama BonusLink merupakan titik permulaan bagi Prasarana bergerak segera agresif untuk meningkatkan kemudahan dan pengalaman pengguna atau *customer experience* sejajar dengan hasratnya untuk menarik semula minat orang ramai supaya menggunakan pengangkutan awam.

Setakat ini, Rapid KL mencatatkan jumlah penumpang harian (hari bekerja) seramai 500,000 orang.

“Aplikasi **BLINK** yang boleh dimuat turun dari Apple App store dan Google Playstore ini boleh dimanfaatkan oleh para pengguna untuk membeli terus pas perjalanan My50 melalui transaksi atas talian dan tanpa tunai. Jika sebelumnya pengguna perlu membuat pembelian secara tunai di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Rapid KL, sekarang hanya di hujung jari menerusi aplikasi **BLINK**,” ujar Azharuddin.

Kolaborasi ini akan bermula 15 Mei 2022 secara rintis dan Bukti Konsep (*proof of concept*) selama tiga (3) bulan, dan **BLINK** akan digunakan sebagai landasan utama bagi pembelian dan penebusan mata atau *loyalty points* sebagai ahli BonusLink. Dimiliki bersama oleh syarikat-syarikat gergasi Shell, AmBank dan Parkson, BonusLink mempunyai 14 juta jumlah keahlian dan lebih 750,000 pengguna berdaftar di bawah aplikasi **BLINK**. Dengan pas perjalanan My50, para pengguna boleh menaiki semua aset-aset Rapid KL seperti seperti LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL dan perkhidmatan bas perantara MRT di Lembah Klang selama 30 hari tanpa had.

Di majlis yang sama, Ooi turut berkongsi setiap pembelian pas perjalanan My50 oleh ahli BonusLink di dalam tempoh promosi akan menikmati pulangan Mata Ganjaran (atau *BonusLink Points Rebate*) sehingga 40% sekiranya pembayaran dibuat menggunakan Kad AmBank BonusLink Visa atau mana-mana Kad Visa.

“Jika anda belum lagi menjadi pengguna aplikasi **BLINK**, sekarang adalah masa terbaik untuk memuat turun aplikasi ini di peranti anda. Ini juga peluang bagi kami di BonusLink untuk memberi sedikit kemeriahan atau ganjaran kepada rakyat Malaysia yang menggunakan pengangkutan awam setiap hari.”

“Kami telah melalui suatu cabaran yang begitu sukar kebelakangan ini disebabkan oleh pandemik COVID-19. Namun, cabaran ini telah memberi peluang untuk kemajuan sektor utama ekonomi negara, dan kami di BonusLink percaya bahawa kerjasama dengan Prasarana ini adalah permulaan yang baik untuk ahli-ahli BonusLink dan pengguna rangkaian pengangkutan awam Prasarana dalam menyediakan kemudahan tambahan untuk perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia,” ujar Ooi.

“Dengan kerjasama dan promosi yang akan datang, kami berharap ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19,” tambah Ooi.

Melalui video pengenalan Prasarana X **BLINK**, pengguna yang telah membeli atau menebus pas perjalanan My50 melalui **BLINK** dan berjaya menghantar butiran lengkap akan menerima Surat Baucar Elektronik atau *E - Voucher* yang mengandungi butiran kod baucar alphanumerik. Pengguna seterusnya boleh membuat penebusan dengan mengemukakan baucar yang dicetak (dengan kod baucar alphanumerik) dan MyKad ke sepuluh (10) stesen terpilih bagi penebusan pas perjalanan My50.

SENARAI STESEN TERPILIH				
Laluan Ampang	Laluan Kelana Jaya	Laluan MRT Kajang	Laluan Monorel	Hab Bas
1.Masjid Jamek	3.KLCC	6.Bukit Bintang	8.Imbi	10. Pasar Seni
2.Plaza Rakyat	4.Pasar Seni	7.Maluri	9.Hang Tuah	
	5.KL Sentral			

“Jika mendapat sambutan yang menggalakkan, fasa kedua akan terus dilaksanakan di kesemua stesen Rel dan Bas kendalian Rapid KL. Ia juga akan dipertingkatkan dengan mengembangkan saluran jualan atas talian dan tanpa tunai melalui aplikasi PULSE oleh Prasarana,” tambah Azharuddin.

Untuk keterangan lanjut mengenai kolaborasi ini, para pengguna boleh melayari website rasmi Rapid KL di myrapid.com.my dan website rasmi BonusLink di www.bonuslink.com.my.

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad. Untuk sebarang maklumat, sila hubungi Pegawai Komunikasi:

1. Pn Adilah Husna Ibrahim 013-3129102

Mengenai Prasarana Malaysia Berhad

Prasarana Malaysia Berhad adalah pengendali dan pemilik aset perkhidmatan rel dan bas merangkumi tiga rangkaian LRT, perkhidmatan Monorel dan bas henti-henti di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Pahang; selain menjadi pengendali perkhidmatan MRT. Ia berpegang kepada misi untuk memacu transformasi perkhidmatan pengangkutan awam Malaysia selaras dengan visinya bagi menyediakan perkhidmatan transit lestari dan menjadi pemangkin ekosistem mobiliti termasuk membangunkan gaya baru dalam kehidupan warga kota bertunjangkan kepada pembangunan berorientasikan transit.

Mengenai BonusLink

BonusLink ialah rakan niaga kepada jenama besar dan terkemuka seperti Shell, AmBank, Parkson, Presto, KK Super Mart, Tealive dan banyak lagi. Selain itu, 'BLINKMall', platform beli-belah atas talian BonusLink, mempunyai lebih daripada 30 jenama terkemuka seperti Shopee, Watsons, Malaysia Airlines, SportsDirect.com dan lain-lain yang membolehkan pengguna mengumpul Mata Ganjaran BonusLink dengan mudah. Sejak penubuhannya pada tahun 1998, keahlian BonusLink telah mencapai lebih daripada 14 Juta Ahli yang terdiri daripada dua pertiga penduduk bandar di Malaysia.

Pengguna boleh memuat turun Aplikasi **BLINK** di Stor iOS, Android atau Huawei AppGallery. Aplikasi **BLINK** juga telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Teknologi Malaysia 2021 (2021 Malaysia Technology Excellence Award) di bawah kategori Mudah Alih – Pemasaran dan Perhubungan Awam.